

NO. SOALAN: 37

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN RAMKARPAL SINGH A/L
KARPAL SINGH [BUKIT GELUGOR]**

TARIKH : 21 OKTOBER 2015

RUJUKAN : 8205

SOALAN:

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan nama penuh suspek yang disiasat berkenaan Bukit Tengah Repot No: 11899/13 berkenaan pembunuhan Kang Seak Siong oleh seorang anggota Polis di sebuah pub di AUTOCITY, Pulau Pinang pada 14 Oktober 2013 pada jam 2 pagi yang disiasat oleh Balai Polis IPD Bandar Perda.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak polis telah menjalankan siasatan berkaitan kes pembunuhan penama Kang Seak Siong yang berlaku pada 14 Oktober 2013 pada jam lebih kurang 8.20 malam di Pub Fuel, Jalan Perusahaan Auto City Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang. Siasatan dijalankan berkait Bukit Tengah Rpt:11899/13 dan disiasat di bawah seksyen 302 Kanun Keseksaan.

Dalam kejadian ini suspek merupakan seorang anggota polis telah berselisih faham dengan mangsa dan berlaku tolok menolak di ruang minum pub tersebut. Mangsa kemudian bersama beberapa orang kawan telah menyerang suspek dan dalam situasi sedemikian, suspek telah melepaskan tembakan dan terkena kepada si mati. Mangsa telah dibawa ke Hospital Seberang Jaya dan disahkan meninggal dunia pada 14 Oktober 2013 pada jam lebih kurang 3.55 pagi. Bedah siasat telah dijalankan dan didapati sebab kematian adalah *Aortic Injurie Due To Gun Shot To The Abdomen*.

Dalam kes ini, suspek bersama beberapa rakan mangsa telah ditangkap untuk siasatan. Kesemua tangkapan telah dibebaskan dengan jaminan polis atas arahan Pejabat Peguam Negara. Kes ini masih dalam siasatan dan kertas siasatan akan dirujuk semula kepada Pejabat Peguam Negara untuk arahan selanjutnya.